

10 OCT 2002
Mahathir-Kelantan
PM RASMI JAMBATAN SEMERAK 29 OKT INI

PASIR PUTEH, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Jambatan Semerak, di sini semasa lawatan sehari beliau ke Kelantan pada 29 Okt ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Ramli Abdul Rahman berkata Perdana Menteri juga akan melawat terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang bernilai RM55 juta yang kini telah siap dan mula digunakan sebulan lepas.

"Selain itu, JPP juga sedang menghantar cadangan supaya Perdana Menteri menemui rakyat di beberapa kawasan tertentu untuk menerangkan isu-isu semasa membabitkan dalam dan luar negara," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kerja Raya (JKR) berkata Jambatan Semerak yang mula dibina pada Ogos 1999 melibatkan kos hampir RM10, kini dibuka kepada semua kenderaan.

Beliau berkata jambatan sepanjang 24 meter yang merentangi Sungai Semerak itu dapat menghubungkan pekan Cherang Ruku dengan Tok Bali ke Bachok.

Katanya pembinaan jambatan berkenaan sebagai menunaikan janji Perdana Menteri selepas Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Semerak pada 1997 untuk menggantikan jambatan kayu yang hampir musnah.

Sementara itu seorang penduduk Ibrahim Deraman, 50, berkata kesudian Perdana Menteri untuk merasmikan jambatan itu amat bermakna kepada penduduk di DUN berkenaan.

Katanya tanpa jambatan baru, amat sukar bagi penduduk di situ untuk berulang-alik mencari rezeki setiap hari lebih-lebih lagi mereka sering diancam bahaya terjatuh ke dalam sungai berkenaan.

"Pernah sebuah van yang cuba menyeberangi jambatan lama terhumbang ke dalam sungai itu yang dalamnya kira-kira lima meter," katanya.

Seorang guru Sekolah Kebangsaan Dalam Rhu, Faridah Che Ghani, 33, berkata dengan siapnya jambatan baru itu bermakna kerajaan pusat tidak menganaktirikan rakyat Kelantan.

-- BERNAMA
WM RAR NMO